

# ORANG ISLAM DI MALAYA SEMUANYA HIDUP DALAM DOSA?

(Oleh Shaykh Shahāb)

“Jika belum dilaksanakan lagi perguruan agama tinggi (oleh Baitul Mal umum) maka tiap-tiap seorang Islam (di Malaya) berkewajipan mengadakannya dan akan bertanggunglah ke atasnya kemurkaan Allah jika tidak disempurnakan kewajipan ini”.

Demikian kata fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa al-Azhar University, Kaherah, untuk menjawab pertanyaan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Dato’ Sayyid Ibrāhīm bin ‘Umar al-Saqāf, Pengerusi Jawatankuasa Kolej Islam se-Malaya.

Nyata dari fatwa ini bahawa tidak seorang pun daripada orang Islam dapat mengelakkan kewajipan untuk memberi sumbangan pada mendirikan kuliah Islam itu dengan seberapa segeranya, kerana Baitul Mal umum tersebut tak ada di Malaya.

Tetapi adakah tiap-tiap orang Islam di Malaya ini insaf akan kewajipannya?

Tidak! Tidak, jika jumlah derma yang telah terkumpul dan masa yang diambil kerana mengumpulkannya boleh dijadikan dalil baginya.

Yang Berhormat Dato’ Sayyid Ibrāhīm bin ‘Umar al-Saqāf dalam sepucuk surat khas kepada penulis berkata bahawa sungguh pun jumlah yang dapat belum ada padanya tetapi “Bolehlah dikatakan bahawa derma bermatawang tunai yang telah terkumpul adalah sudah melebihi \$200,000 dan berupa bangunan-bangunan iaitu Istana Jami’ah dengan sebuah rumah kecil (*pavillion*) dan rumah sewa yang diwaqafkan oleh Yang Maha Mulia Sultan Selangor, serta sebuah rumah (banglo) yang diwaqafkan oleh saya sendiri (Dato’ al-Saqaf) adalah dianggarkan

berharga \$150,000 sampai \$200,000.

Ini bermakna bahawa jumlah derma untuk modal yang telah terkumpul hingga hari ini adalah sebanyak \$350,000 atau \$400,000.

Ini masih lagi \$100,000 atau \$150,000 kurang daripada anggaran modal yang telah ditentukan, iaitu \$500,000!

Dan lagi wang tunai yang \$200,000 itu telah mengambil masa lebih dari empat tahun (!) untuk mengumpulkannya, dan bukan pula sedikit daripada jumlah itu yang didermakan oleh orang Cina – bukan orang Islam!

Allah jua yang mengetahui bila agaknya wang yang sebanyak \$100,000 atau \$150,000 itu akan dapat dikumpulkan!

Sungguh pun demikian, Yang Berhormat Dato’ al-Saqāf tidak berasa hampa, bahkan bersemangat kuat jua. Beliau berkata bahawa Kolej Islam tersebut akan dapat dibuka (*Inshā Allāh*) pada 1 Rejab atau 24 Februari 1955! Suatu perkhabaran yang sangat-sangat menggembirakan. Harus agaknya ketika itu jumlah modal yang dikehendaki telah terkumpul. Kita semua berdo’a.

Tentang panjangnya masa yang telah diambil untuk mengumpulkan wang derma tersebut beliau tegaskan bahawa itu adalah disebabkan oleh kekurangan kecergasan orang-orang di negeri-negeri Melayu



*Al-Ustādh Sa'id Ramaḍān Setiausaha Muktamar Islam Palestin sedang bersyarah di rumah Jam'iyah al-Da'wah al-Islamiyyah dalam lawatannya ke Singapura pada bulan yang lalu. Di sebelahnyanya kelihatan Tuan 'Abdul Jalil Hassan Naib Mufti Johor menterjemahkan syarahannya yang bersemangat itu.*

dan di Melaka dan Pulau Pinang, serta kelemahan tindakan di Johor dan di Singapura”.

Di mana ada “tindakan”, ujar beliau selalulah ianya lemah da tidak teratur betul, sungguh pun ada sejumlah orang yang mempunyai semangat dan ikhlas dalam “mencuba” menolong.

Hari ini semua orang tertanya-tanya:

Mengapa orang-orang Islam yang kaya tidak gemar tampil ke hadapan dengan derma mereka?

Yang Berhormat Dato' al-Saqāf tak tau sebabnya beliau sendiri pun berasa hairan. “Sebenarnya” ujar beliau “Banyak benar permohonan-permohonan yang telah dijalankan dan salinan-salinan fatwa tadi dikelilingkan”. Tetapi mereka tinggal diam jua! “Padahal” kata beliau “Orang-orang Islam lebih bertanggungjawab dalam mengadakan Kolej Islam di Malaya daripada orang Cina mengadakan

universitinya, sebab sekolah tinggi pun belum ada untuk orang Islam sedang sekolah-sekolah tinggi Cina sudah banyak merebak”.

Boleh jadi dakyah baginya tidak mencukupi barangkali derma akan memuncak jika pengelola kolej dari Mesir berkeliling sendiri mengenalkan dirinya sebagaimana yang dibuat oleh Doktor Lin Yu Tang.

Jawatankuasa Kolej Islam itu tidak berpendapat begitu. Pandangannya berlainan. Ia berpendapat bahawa pengelola kolej itu hendaklah daripada orang negeri ini jua. Hingga orang ini dapat diperolehi, maka soal dakyah tersebut tinggallah dahulu.

Sebabnya? Sebabnya ialah ini. Orang yang dibawa dari luar negeri itu “Tidak akan dapat orang yang sefaham

– Sambungannya pada muka 23